

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 10/1974**

---

**MELANJUTKAN MASA UNTUK BAYARAN PREMIUM  
DAN LAIN-LAIN MENGIKUT KAEDAH 7 DALAM  
KAEDAH-KAEDAH TANAH SELANGOR**

---

Merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil 1/74 maka dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri telah mewakilkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Selangor kuasa-kuasa untuk membenarkan lagi lanjutan masa untuk menjelaskan premium dan lain-lain bayaran. Perwakilan kuasa ini telah diwartakan mengikut Selangor P.U.23 bertarikh 3hb Okt 1974.

2. Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa permohonan untuk maksud yang tersebut di perenggan 1 di atas hendaklah diterima sebelum luput tarikh lanjut akhir yang diluluskan oleh Pemungut sendiri. Surat Ringkasan seperti biasa mengandungi alasan-alasan yang tertentu hendaklah dibuat untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor.

T.T  
**(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
SELANGOR

PTG.SEL 675(85)

KUALA LUMPUR  
19HB NOVEMBER 1974

- **PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.3/2008 Para 5.1 dan 5.2\***